

IMPORTANT



ANNOUNCEMENT



Melabur dengan mudah dalam AHB melalui MyAHB Portal

Pemegang unit kini boleh melabur dalam AHB bila-bila masa, di mana sahaja

Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan PHB Asset Management Berhad (PHBAM) mengumumkan pelancaran rasmi MyAHB Portal, sebuah platform dalam talian yang menyediakan kemudahan yang mesra pengguna kepada pemegang unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB).

MyAHB Portal, www.myahb.my membolehkan individu membuka akaun AHB secara langsung dengan PHBAM, melihat pegangan unit mereka, melanggan dan menebus unit, serta mengurus maklumat akaun dengan selamat dan cekap melalui antara muka digital mesra pengguna.

MyAHB Portal hanya boleh diakses oleh pelabur individu baharu dan pemegang unit sedia ada yang telah berdaftar secara terus melalui PHBAM.

MyAHB Portal pada masa ini tidak tersedia kepada pemegang unit sedia ada yang membuka akaun melalui pengedar sah AHB iaitu Maybank, Bank Islam, AmBank atau AmBank Islamic.

AHB merupakan dana unit amanah patuh Syariah yang melabur secara langsung dalam hartanah komersial terpilih di Malaysia dan bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang stabil dan konsisten kepada pelabur Bumiputera di samping memelihara modal pelaburan mereka. Agihan pendapatan AHB diumumkan dua kali setahun, agihan pendapatan telah dikecualikan cukai dan ditolak daripada zakat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Khidmat Pelanggan PHBAM di phbam-cs@phbam.com.my atau telefon 03-7734 0555.

PENAFIAN

Para pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami Prospektus Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana") sebelum membuat keputusan untuk melabur. Sila rujuk Prospektus Gantian bertarikh 1 Julai 2024 ("Prospektus") yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus boleh didapati di cawangan pengedar kami. Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum melabur. Antara lain, pelabur perlu mengambil kira yuran dan caj yang terlibat. Pengagihan yang dibayar mungkin turun dan juga naik. Prestasi Dana masa lalu tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa depannya.

Kelulusan atau kebenaran SC, atau pendaftaran dan penyerahsimpanan atau penyerahan Prospektus tidak menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan Dana, bahan permasaran atau iklan tersebut.



+603-77113000



@PHB-PelaburanHartanahBerhad



@PelaburanHartanahBerhad